



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI SASAR 10 PERATUS PERAIRAN NEGARA DILINDUNGI SEBAGAI KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN, ONLINE-UTUSAN BORNEO	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	STOK SEMASA BEKALAN IKAN NEGARA MENCUKUPI, ONLINE-UTUSAN BORNEO	
3.	NO DURIAN GLUT IN PENANG THIS YEAR, SAYS FAMA, ONLINE-MALAY MAIL	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	NO DURIAN GLUT IN PENANG THIS YEAR, SAYS FAMA, ONLINE- THE EDGE MARKETS	
5.	FAMA BERI JAMINAN TIADA LAMBAKAN DURIAN, NASIONAL, SH-14	
6.	HARGA LEMBU KORBAN NAIK SEHINGGA RM500 SEEKOR, NASIONAL, BH-18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	LEMBU DI NEGERI SEMBILAN BEBAS LSD, NEGERI PERAK.N.SEMBILAN, SH-25	
8.	PROJEK JAMBATAN SUNGAI CHENGKEH JEJAS NELAYAN, NEGARA, KOSMO-14	LAIN-LAIN
9.	HARGA SAYUR NAIK 200 PERATUS, NEGARA, KOSMO-12	
10.	PEKEBUN CILI HARAP PEMBELAAN, NASIONAL, BH-19	
11.	IMPAK KENAIKAN HARGA SAYUR TERASA, NASIONAL, SH-23	
12.	HARGA SAYUR NAIK MELAMBUNG, NASIONAL, SH-5	
13.	HARGA SAYUR DIPANTAU SECARA BERTERUSAN, NASIONAL,SH-5	
14.	TEKONG KRU BOT DITAHAN GUNA PUKAT TUNDA	
15.	WEDDING OUT UNSUSTAINABLE KELULUT HONEY HARVESTING PRACTICES, LIFE & ARTS, 20&21- THE MALAYSIAN RF&FRVF	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.06.2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	-

MAFI SASAR 10 PERATUS PERAIRAN NEGARA DILINDUNGI SEBAGAI KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN



Sarawak.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited memastikan 10 peratus perairan negara dilindungi sebagai Kawasan Perlindungan Marin atau melalui kaedah-kaedah pengurusan kawasan yang berkesan menjelang 2030.

Sasaran itu yang bersempena dengan Hari Laut Sedunia dan Hari Segitiga Terumbu Karang adalah selaras dengan obligasi di bawah Matlamat Pembangunan Lestari, Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025.

Menurut MAFI dalam kenyataan semalam, komitmen tersebut juga selaras dengan kriteria penilaian di bawah Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) yang sehingga kini hanya 5.3 peratus perairan negara dilindungi serta sebahagian besar Kawasan Perlindungan Marin terletak di perairan Sabah dan

"Bagi mencapai sasaran ini, kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengenal pasti beberapa kawasan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Taman Laut.

"Bagi memperoleh sokongan pihak berkepentingan, Jabatan Perikanan Malaysia melaksanakan sesi-sesi konsultasi bersama penduduk setempat, agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan," katanya.

Menurut MAFI, bagi mengimbangi pembangunan dan teknologi terkini, program-program pengurusan sumber marin akan dipertingkatkan serta mengekal dan menambah baik Kawasan Perlindungan Marin sedia ada bagi memastikan Malaysia kekal relevan sebagai negara maju serta seimbang dalam pembangunan dan alam sekitar.

Sehubungan itu, MAFI menyeru kerajaan-kerajaan negeri berganding bahu dengan kerajaan persekutuan untuk merealisasikan sasaran tersebut.

"Pada kesempatan ini, kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor yang telah meluluskan pewartaan Taman Laut baharu di perairan Mersing iaitu Kepulauan Lima dengan keluasan 299 km persegi," katanya.

Menurut MAFI, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM70 juta pada tahun ini sebagai insentif melalui instrumen "Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation" (EFT) bagi menyokong pelaksanaan program serta projek pemuliharaan biodiversiti. Katanya, ia juga bagi menggalakkan pewartaan lebih banyak kawasan perlindungan oleh kerajaan negeri.

Selain itu, MAFI memaklumkan industri perikanan negara menyumbang RM13.84 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2020 dengan perkhidmatan ekosistem marin di taman-taman laut pula dianggarkan menyumbang sebanyak RM8.7 bilion setahun.

Hari Laut Sedunia dipersetujui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk disambut pada 8 Jun setiap tahun, manakala negara-negara di bawah Inisiatif Segitiga Terumbu Karang pula menetapkan 9 Jun sebagai Hari Segitiga Terumbu Karang.

Menurut MAFI, Malaysia merupakan antara 17 negara di dunia yang disenaraikan sebagai Negara Biodiversiti Mega dan terletak dalam lingkungan perairan segitiga terumbu karang atas kepelbagaian biologi yang tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.06.2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	-

STOK SEMASA BEKALAN IKAN NEGARA MENCUKUPI



Kompleks LKIM Kuala Selangor dan Pasar Nelayan Sungai Yu, hari ini.

SHAH ALAM: Stok semasa bekalan ikan negara sebanyak 185,000 tan metrik sebulan dijangka mencukupi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh, berbanding anggaran keperluan bekalan ikan bagi rakyat di negara ini sekitar 155,000 tan metrik, menurut Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Timbalan Menteri II kementerian itu, Datuk Che Abdullah Mat Nawi menasihatkan pengguna agar tidak perlu bimbang atau membuat pembelian panik kerana bekalan ikan adalah sentiasa mencukupi.

“Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memainkan peranan yang penting memastikan bekalan ikan mencukupi di seluruh negara terutama sewaktu pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0,” katanya dalam satu kenyataan selepas mengadakan tinjauan ke

Che Abdullah berkata LKIM adalah juga agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara.

“Para pengguna juga boleh mendapatkan bekalan ikan di 89 buah Pasar Nelayan seliaan LKIM yang turut mempunyai 33 buah Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan di seluruh negara,” katanya.

Che Abdullah turut menasihatkan para nelayan dan pengunjung di pasar-pasar nelayan untuk kekal mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara selain terus mengamalkan norma baharu bagi membendung dan menghapuskan penularan pandemik COVID-19.

Sekatan pergerakan penuh yang bermula sejak 1 Jun lepas akan berakhir esok dan kerajaan mengambil keputusan menyambunginya selama dua minggu lagi sehingga 28 Jun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.05.2021	MALAY MAIL	ONLINE	-

NO DURIAN GLUT IN PENANG THIS YEAR, SAYS FAMA



The durian is also available through Agrobazaar.com, Shopee and FAMA fruit collection centres nationwide. — Bernama picture

BALIK PULAU, June 15 — The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) has assured that there will be no durian glut in Penang this year amid the total lockdown under the Movement Control Order.

Its deputy director-general (Operations), Mohamad Mustahapa Awang said FAMA had initiated a number of measures to assist durian orchard owners and traders to market the 'king of fruits' nationwide and also for export.

"From our observation, the current durian output in Balik Pulau is increasing and expected to reach its peak at the end of this month and the season to end in early August.

"In Penang, the durian orchards are concentrated in Balik Pulau, covering 2,538 hectares and the expected output this year is 8,212.50 tonnes, with the popular varieties being the udang merah, hor lo, musang king and duri hitam," he told reporters after visiting the Orchard Durian Collection Centre (PPL) in Jalan Sungai Pinang, here, today.

He said the initiatives taken by FAMA included providing controlled fresh markets for the fruit and marketing services at the agency's 984 outlets across the country for direct selling of durian.

The fruit is also available through Agrobazaar.com, Shopee and FAMA fruit collection centres nationwide.

"Our monitoring at the orchard and wholesale levels has found no durian glut currently but perhaps even insufficient supply in the market as many people have been waiting for durians from Balik Pulau," said Mohamad Mustahapa.

Meanwhile, FAMA is targeting 35,000 tonnes of durian to be exported to countries like Singapore, Hong Kong, China, United States and Australia due to the high demand with the export value amounting to RM100 million this year. Last year, Malaysia exported about 30,000 tonnes of durian valued at RM92.3 million.

"China's demand for durian had reached 85,000 tonnes before but this year, perhaps only 10,000 tonnes of the fruit can be exported to that country," said Mohamad Mustahapa.

"Each year, there's a high demand in the world market for high-quality Malaysian durian but the supply is still insufficient for the export market due to the high demand in the local market with the country's annual output at 405,000 tonnes," he added.

Meanwhile, the Sungai Pinang Durian Group head, James Wong said the output this year would be higher compared to last year's but the high demand from wholesalers outside Penang could not be fully met.

He said for his area, 50 group members would be collecting and delivering the durian to meet the demand, thus making the price stable due to the good demand.

"We have been receiving advice and guidance in marketing our durian, hence there is no glut here, and the prices are based on the grades and types of durians sold by the traders," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.06.2021	THE EDGE MARKETS	ONLINE	-

NO DURIAN GLUT IN PENANG THIS YEAR, SAYS FAMA



BALIK PULAU (June 15): The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) has assured that there will be no durian glut in Penang this year, amid the total lockdown under the Movement Control Order.

Its deputy director-general (Operations), Mohamad Mustahapa Awang said FAMA had initiated a number of measures to assist durian orchard owners and traders to market the 'king of fruits' nationwide and also for export.

"From our observation, the current durian output in Balik Pulau is increasing and expected to reach its peak at the end of this month and the season to end in early August

"In Penang, the durian orchards are concentrated in Balik Pulau, covering 2,538 hectares and the expected output this year is 8,212.50 tonnes, with the popular varieties being the udang merah, hor lo, musang king and duri hitam," he told reporters after visiting the Orchard Durian Collection Centre (PPL) in Jalan Sungai Pinang here today.

He said the initiatives taken by FAMA included providing controlled fresh markets for the fruit and marketing services at the agency's 984 outlets across the country for direct selling of durian.

The fruit is also available through Agrobazaar.com, Shopee and FAMA fruit collection centres nationwide. "Our monitoring at the orchard and wholesale levels has found no durian glut currently but perhaps even insufficient supply in the market as many people have been waiting for durians from Balik Pulau," said Mohamad Mustahapa.

Meanwhile, FAMA is targeting 35,000 tonnes of durian to be exported to countries like Singapore, Hong Kong, China, United States and Australia due to the high demand, with the export value amounting to RM100 million this year. Last year, Malaysia exported about 30,000 tonnes of durian valued at RM92.3 million.

"China's demand for durian had reached 85,000 tonnes before but this year, perhaps only 10,000 tonnes of the fruit can be exported to that country," said Mohamad Mustahapa.

"Each year, there's a high demand in the world market for high-quality Malaysian durian but the supply is still insufficient for the export market due to the high demand in the local market with the country's annual output at 405,000 tonnes," he added.

Meanwhile, the Sungai Pinang Durian Group head, James Wong said the output this year would be higher compared to last year's but the high demand from wholesalers outside Penang could not be fully met.

He said for his area, 50 group members would be collecting and delivering the durian to meet the demand, thus making the price stable due to the good demand.

"We have been receiving advice and guidance in marketing our durian, hence there is no glut here, and the prices are based on the grades and types of durians sold by the traders," he added.

FAMA beri jaminan tiada lambakan durian



FOTO: BERNAMA

FAMA jamin tidak berlaku lambakan durian pada tahun ini, walaupun musim raja buah itu berlaku ketika pelaksanaan PKP yang diperketatkan sekarang ini.

Beberapa inisiatif disediakan bagi bantu peniaga, pengusaha kebun pasarkan ke seluruh negara

BALIK PULAU

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan tidak berlaku lambakan durian pada tahun ini, walaupun musim raja buah itu berlaku ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diperketatkan sekarang ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Mohamad Mustahapa Awang berkata, pihaknya telah menyediakan beberapa inisiatif bagi membantu golongan peniaga dan pengusaha kebun memasarkan buah durian di seluruh negara, serta eksport ke beberapa negara.

"Daripada pemantauan dilakukan mendapati, trend pengeluaran durian semasa di Balik Pulau sedang meningkat dan dijangka akan memuncak pada hujung bulan ini, serta dijangka musim kali ini berakhir awal Ogos nanti.

"Di Pulau Pinang, durian tertumpu di Balik Pulau dengan keluasan 2,538 hektar dan dijangka pengeluaran pada tahun ini sebanyak 8,212.50 tan, varieti popular ialah udang merah, hor lo, musang king serta

duri hitam," katanya selepas meninjau Pusat Pengumpulan Ladang Durian Jalan Sungai Pinang di sini pada Selasa.

Menurutnya, terdapat beberapa inisiatif antaranya, cabang khidmat pemasaran yang disediakan FAMA, antaranya menyediakan pasar segar terkawal dan pemasaran di 984 rangkaian 'outlet' milik FAMA yang terdapat di seluruh negara, untuk jualan durian secara terus.

Mohamad Mustahapa berkata, raja buah yang dinantikan ramai itu juga boleh didapati melalui portal Agrobazaar.com dan Shopee.

"Kami juga membuat pemantauan di peringkat ladang serta borong, dan mendapati tiada lambakan durian yang berlaku ketika ini, malah kemungkinan tidak mencukupi untuk pasaran negara kerana orang ramai memang menantikan buah durian daripada Balik Pulau," katanya.

Sementara itu, katanya, FAMA memasarkan 35,000 tan durian tempatan bakal dipasarkan ke luar negara iaitu Singapura, Hong Kong, China, Amerika Syarikat dan Australia, berikutan permintaan tinggi di sana dengan nilai eksport RM100 juta pada tahun ini.

"Pada tahun lalu, negara mengeksport kira-kira 30,000 tan durian dengan nilai eksport RM92.3 juta. Tahun ini sasaran jumlahnya meningkat iaitu kepada 35,000 tan dengan nilai eksport mencecah RM100 juta.

"Setiap tahun kita terima permintaan tinggi untuk pasaran durian, namun durian masih

belum mencukupi untuk memenuhi pasaran eksport, kerana permintaan yang tinggi juga di pasaran tempatan," katanya.

Sementara itu, Ketua Kelompok Durian Sungai Pinang James Wong berkata, pengeluaran buah durian pada tahun ini lebih banyak berbanding tahun lepas, namun


permintaan yang tinggi daripada pemborong durian luar Pulau Pinang menjadikan permintaan tidak cukup tangan untuk dipenuhi.

Katanya, bagi kawasan, hampir 50 ahli kelompok akan menghantar dan mengumpulkan durian di kawasan Sungai Pinang, bagi memenuhi per-

mintaan luar dan menjadikan harga durian stabil, kerana permintaan yang sangat tinggi.

"Kami mendapat tunjuk ajar dan bimbingan daripada FAMA untuk memasarkan durian, sebab itu tiada lambakan durian di sini, malah harga buah juga mengikut gred dan jenis buah peniaga jual," katanya. - Bernama

Nilai eksport durian Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

* Data merujuk kepada nilai eksport durian sejuk beku Malaysia pada 2018

Rakyat Malaysia paling banyak makan durian

SHAH ALAM - Musim raja buah tiba lagi!

Apa yang unik, berdasarkan Laporan Pasaran Durian Global yang dikeluarkan Plantation International pada tahun 2016, seorang rakyat Malaysia secara purata mengambil kira-kira 11 kilogram (kg) durian.

Jumlah tersebut 1.8 kali ganda lebih banyak daripada daging lembu yang dimakan,

menambah laporan tersebut.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai eksport durian sejuk beku pada tahun 2018 adalah berjumlah RM202.7 juta.

Antara negara yang mengimport durian dari Malaysia ialah China, Thailand, Hong Kong, Taiwan, Amerika Syarikat dan Australia.

Penggunaan durian mengikut negara



Sumber: Plantation International

* Data merujuk kepada penggunaan durian per kapita pada tahun 2016 dalam kilogram (kg)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.06.2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Harga lembu korban naik sehingga RM500 seekor

Kos makanan tinggi, kurang bekalan antara punca ternakan jadi lebih mahal

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga lembu korban dianggarkan meningkat sekitar RM300 ke RM500 seekor berbanding tahun lalu, dipengaruhi pelbagai faktor termasuk kekurangan ternakan dan kos makanan ternakan yang tinggi.

Pengerusi Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR), Nordin Mat, berkata perkara itu sudah dijangka malah ditambah dengan penularan wabak penyakit kulit kental (LSD) yang dikesan sejak bulan lalu.

Beliau berkata, harga seekor lembu adalah sekitar RM4,500 dan ke atas bergantung kepada saiz.

"Kenaikan harga ini bukan hanya disebabkan isu LSD tetapi lebih kepada faktor kekurangan ternakan di Malaysia, harga import yang tinggi dan kos makanan ternakan yang sentiasa meningkat.

"Wabak LSD ini baru saja di-



Harga lembu ketika ini kira-kira RM4,500 seekor bergantung kepada saiz ternakan.

kesan sejak sebulan lalu dan difahamkan, semua ternakan yang dijangkiti, telah dilupuskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)," katanya kepada BH, semalam.

Minggu lalu, JPV dalam satu kenyataan memaklumkan urusan import lembu dan kerbau dari Thailand digantung berkuat kuasa serta-merta selepas menilai risiko penularan penyakit

LSD yang dilaporkan menular di lebih 41 wilayah di Thailand.

Namun, Nordin berkata, arahan penggantungan itu tidak memberi kesan besar dengan bekalan lembu untuk tujuan sembelihan menjelang sambutan Aidiladha adalah terkawal.

"Semua sempadan di antara Malaysia dan Thailand telah ditutup untuk menghalang penularan wabak ini.

"Setakat ini, keadaan terkawal kerana kebanyakan ternakan untuk korban dari Thailand sudah dibawa masuk sejak awal tahun lagi, selain itu kita mempunyai bekalan ternakan tempatan," katanya.

Kenaikan harga ini bukan hanya disebabkan isu LSD, tetapi lebih kepada faktor kekurangan ternakan di Malaysia

Nordin Mat,
Pengerusi Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia



16.06.2021

SINAR HARIAN

NEGERI PERAK.

N.SEMBILAN

25

Lembu di Negeri Sembilan bebas LSD

Penternak perlu lapor Jabatan Veterinar jika kesan tanda mencurigakan pada haiwan ternakan

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Laporan makmal berhubung ujian yang dilakukan pada seekor lembu di Rembau, yang sebelum ini dikesan mempunyai tanda-tanda klinikal penyakit kulit kental (LSD) mendedahkan, keputusannya adalah negatif.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir memberitahu, hasil laporan mendapati lembu tersebut hanya

mengalami sakit kulit biasa, bukan LSD.

Sehubungan itu, lembu tersebut telah pun diberi rawatan bagi mengatasi penyakit kulit tersebut.

"Setakat ini semua haiwan ternakan di Negeri Sembilan dilaporkan sihat dan tiada lagi kes LSD dilaporkan di negeri ini.

"Pemantauan akan terus dilakukan secara berterusan bagi memastikan semua pengusahawan penternak dapat memantau haiwan ternakan mereka dengan teliti.

"Mereka perlu segera melaporkan kepada Jabatan Veterinar di daerah masing-masing jika terdapat tanda-tanda yang mencurigakan pada haiwan ternakan mereka," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Sejak 24 Mei lalu, Jabatan Veterinar di seluruh daerah telah menjalankan pemeriksaan

di 82 lokasi kawalsan penternakan haiwan ruminan di negeri ini.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, kita telah membuat pemeriksaan awal pada semua haiwan ternakan di negeri ini supaya mereka tidak dijangkiti penyakit LSD.

Mengulas lanjut kata Bakri, pengusahan dan penternakan haiwan ruminan di negeri ini, boleh dikenali tindakan undang-undang jika menyembunyikan kes membabitkan haiwan ternakan yang menghidap penyakit LSD.

Jelas beliau, antara tindakan yang boleh diambil ke atas mereka yang gagal melaporkan kes tersebut ke Jabatan Veterinar

adalah denda sehingga RM25,000.

Sebelum ini, kerajaan negeri juga tidak membenarkan sebarang urusan pergerakan membawa haiwan ternakan lembu atau kerbau dari luar ke Negeri Sembilan.



Bakri (kiri) dalam satu lawatan di salah satu pusat penternakan lembu di Negeri Sembilan pada minggu lalu.



Laporan *Sinar Harian* pada 5 Jun berkenaan kes LSD di Negeri Sembilan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.06.2021	KOSMO	NEGARA	14

Projek jambatan di Sungai Chengkeh jejas nelayan



KERJA-KERJA pembinaan jambatan di Sungai Chengkeh, Serkat yang didakwa oleh nelayan tempatan telah menjejaskan mata pencarian mereka di Pontian semalam.

PONTIAN – Kira-kira 60 nelayan dari tiga pengkalan di Sungai Chengkeh, Serkat di sini, resah dengan kerja-kerja pembinaan sebuah jambatan di kawasan tersebut yang didakwa menjejaskan hasil tangkapan harian mereka.

Mereka mendakwa tidak dimaklumkan mengenai pembinaan jambatan itu yang akan menyebarkan laluan keluar mereka ke laut semakin cetek sebelum air menjadi kotor dan tercemar.

Ketiga-tiga pengkalan nelayan tersebut ialah Pengkalan Nelayan Tanjung, Pengkalan Pak Andak dan Pengkalan Nelayan

Surau yang menggunakan Sungai Chengkeh sebagai laluan utama untuk keluar pada setiap hari.

Seorang nelayan, Mohd. Said Samin, 70, yang melakukan kegiatan menjala udang berkata, dia semakin risau apabila hasil tangkapan semakin kurang sebab masalah air yang kotor dan berkelodak di kawasan tersebut.

"Jika sebelum ini kami mampu memperoleh pendapatan RM100 hingga RM200 sehari tetapi merundum kepada RM30 hingga RM40 sehari disebabkan berlakunya pencemaran air kerana kerja-kerja penambakan dan sebagainya," jelasnya.

Seorang lagi nelayan, Pany Tukjan, 68, yang melakukan kerja-kerja menjaring udang juga mengalami nasib sama dan baginya tidak berbaloi keluar seharian ke laut tetapi tiada hasil.

Dia yang 30 tahun menjadi nelayan berkata, kawasan Sungai Chengkeh sebelum ini juga kaya dengan ikan sembilang dan ikan siakap tetapi selepas pelbagai projek dijalankan, ianya menjadi 'sepi' dengan hasil laut itu.

Ujarnya, nelayan-nelayan tidak halang pembangunan tetapi semua projek wajar mengambil kira punca pendapatan golongan seperti ini agar tidak terjejas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.06.2021	KOSMO	NEGARA	12

Harga sayuran naik 200 peratus

BAGAN SERAI – Peniaga sayur-sayuran di Pasar Awam Bagan Serai di sini merungut berikutan harga makanan itu yang naik mendadak sehingga 200 peratus sejak semalam menyebabkan jualan mereka merosot apabila pelanggan kini memilih sayur-sayur kampung sebagai ganti,

Dakwa mereka kenaikan harga tersebut ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Raja Cameron Highland.

Peniaga sayur, Tan Teoh Teik, 49, berkata, dia terpaksa membayar lebih tinggi kerana telah menempah lebih awal sayur-sayuran dan terkejut apabila diberitahu harga bekalan meningkat.

"Buah tomato dua hari lalu harga borongnya adalah RM4.50 dan hari ini (semalam) meningkat RM6.50 sekilogram (kg), manakala sawi sebelumnya RM2 naik RM7 bagi 1 kg.

"Hari ini (semalam) harga tomato naik tapi bila kita buat tempahan pembekal pula memberitahu bekalan tiada, jadi macam mana saya mahu berniaga?" soalnya kepada pemberita ketika ditemui di Pasar Awam Bagan Serai di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Shahrul Nizam Ani, 47, berkata, kenaikan harga sayur-sayuran sejak semalam menyebabkan mereka tiada pilihan.

"Paling ketara ialah sawi dan tomato diikuti dengan sayuran berdaun lain.



YUSNITA (kiri) menunjukkan sayur sawi yang meningkat harga hampir 200 peratus di Pasar Awam Bagan Serai semalam.

"Saya tak pasti kenaikan harga ini berpunca daripada orang tengah yang mengambil kesempatan kononnya disebabkan PKPD di Kampung Raja Cameron Highland atau kenaikan oleh pekebun sayur itu sendiri," katanya.

Pandangan sama disuarakan seorang lagi peniaga, Yusrita Yusof, 47, yang mengatakan kenaikan itu telah menimbulkan rungutan dalam kalangan pelanggan.

"Siapa tidak terkejut biasa beli

RM2 sejak tiba-tiba hari ini jadi RM7 pula," ujarinya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Abdul Yunus Jambri mengesahkan terdapat kenaikan harga sayuran, namun tidak menyeluruh.

"Sepatutnya faktor PKPD tidak timbul kerana bekalan dan pengedaran sayur-sayuran ini merupakan aktiviti perlu dan tidak terjejas," ujarinya.

Impak kenaikan harga sayur terasa

Pengguna di beberapa negeri mula terasa kesan kenaikan harga sayur dari Cameron Highlands, Pahang

SHAH ALAM

Harga sayur-sayuran di beberapa buah negeri dilaporkan melambung selepas hasil pertanian dari tanah tinggi di Cameron Highlands, Pahang tidak dapat dikeluarkan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati harga sayuran yang mengalami peningkatan ialah tomato, timun Jepun, cili, kubis, kacang buncis, lada manis atau lada benggala, brokoli dan salad.

Negeri yang melaporkan kenaikan ialah Terengganu, Selangor dan Kedah, namun Negeri Sembilan, Perak dan Pahang dilaporkan harga masih stabil disebabkan stok lama masih ada.

Di SELANGOR, seorang peniaga sayur di Pasar Basah Seksyen 14 Petaling Jaya, Ahmad Sharizan Mohd Tajuddin, 35, berkata, kenaikan harga sayur sukar dikawal dan naik antara RM2 hingga RM4 sekilogram (kg).

"Paling ketara kenaikan sayur brokoli daripada RM12 kepada RM16 sekilogram, manakala timun naik kepada RM5.50 sekilogram berbanding RM3 sekilogram sebelum ini," katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Pada Sabtu lalu, kerajaan mengumumkan PKPD di Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang melibatkan kawasan Sungai Ikan, Blue Valley, Taman Matahari Cerah, Taman Desa Corina serta Kampung Baru Kampung Raja.

Ia dilaksanakan mulai Isnin hingga 27 Jun ini selepas 29 kes positif Covid-19 dikesan dalam tempoh dua minggu.

Dalam pada itu, Ahmad Sharizan berkata, harga tomato dijual RM7 sekilogram berbanding sebelum ini hanya RM5.

"Pemborong memaklumkan, harga sayur naik disebabkan tenaga kerja ladang di Cameron Highlands tidak mencukupi akibat pelaksanaan PKPD," katanya.

Di TERENGGANU, peniaga Pasar Besar Kedai Payang, Nornadiah Musa, 25, berkata, harga bagi tomato gred A naik sekali ganda kepada RM6 sekilogram berbanding RM3.50 bagi kuantiti sama yang dijual pada Isnin.

Katanya, berlaku juga kenaikan mendadak pada harga salad apabila sekilogram sayur itu terpaksa dijual antara RM8 hingga RM9 berbanding RM6 yang dijual pada Isnin.

"Kebanyakan sayur yang dijual diambil dari Cameron Highlands. Apabila berlaku sekatan, sayuran tidak dapat sampai ke sini menyebabkan harganya naik secara mengejut.

"Semalam (Isnin), saya masih boleh jual tomato pada harga RM3.50 sekilo bagi gred A, hari ini terpaksa jual RM6.

"Begitu juga harga salad melambung daripada RM6 kepada RM8 hingga RM9 sekilogram. Kita jangka esok berlaku kenaikan harga bagi barangan ini," ujarnya.

Menurut Nornadiah, berlaku juga kenaikan RM1.50 hingga RM2 bagi sayuran kacang buncis yang kini dijual RM12 sekilogram.

Selain itu, katanya harga bagi cili besar meningkat kepada RM8 hingga RM9 berbanding RM5 hingga RM6 dijual minggu lalu, manakala lada benggala dijual pada harga RM12 sekilogram.

Di KEDAH, lebih 20 peniaga sayur di Pasar Besar Alor Setar gusar apabila harga sayur mengalami kenaikan mendadak.

Seorang peniaga, Mawardi Taha, 50, berkata, harga sayur dari kawasan tanah tinggi itu dikesan mengalami kenaikan antara 40 hingga 50 peratus berbanding harga sebelum ini.

"Kita pernah mengalami kenaikan harga sayur sebelum ini tetapi ia tidak terlalu mendadak seperti kali ini iaitu dalam tempoh masa sehari sahaja.

"Misalnya, tomato saiz XL sebelum ini harganya RM25 se-



Penjual sayur-sayuran sedang menyusun barang jualan di Pasar Ayam Larkin Sentral, Johor Bahru pada Selasa.

kotak, tetapi hari ini kita dapat pada harga RM52 sekotak. Apabila beli mahal, kita pun terpaksa jual mahal kepada pelanggan untuk elakkan kerugian," katanya.

Jelasnya, selain harga sayur yang mahal, mereka juga berdepan masalah bekalan apabila beberapa jenis sayur yang dipesan tidak diterima.

Antara sayur yang tidak mempunyai stok adalah kacang buncis, timun jepun, lada benggala dan brokoli.

"Kita pesan, tetapi barang tak ada. Alasan pemborong barang tak dapat turun dari Cameron Highlands, jadi saya terpaksa jual apa yang ada," katanya.

Di PAHANG, seorang peniaga sayur di Pasar Besar Kuantan, Mohd Zahfi Mohd Yusof, 38, berkata, harga sayuran tidak mengalami sebarang perubahan setakat ini, namun dia ada mendengar dakwaan kenaikan harga untuk beberapa jenis sayur-sayuran.

"Semua harga sayuran seperti tomato RM4 sekilogram, cili (RM8), timun Jepun (RM4), lada benggala pula sebanyak RM7 hingga RM12 sekilogram mengikut jenis dan semua jenis salad antara RM4 hingga RM6.

"Tetapi kacang buncis mengalami penurunan sebanyak RM3 berbanding RM12 sekilogram minggu lalu," katanya.

Mohd Zahfi menjelaskan kenaikan harga barangan itu di ramalkan dalam tempoh seminggu dua lagi.



Harga sekilo tomato saiz XL yang dijual kepada pelanggan mencocoh RM6.50 di Pasar Besar Alor Setar, Kedah.

"Kenaikan harga tetap berlaku, tetapi bukan pada waktu sekarang kerana pemborong masih lagi mengekalkan harga lama," ujarnya.

Di NEGERI SEMBILAN, majoriti pengguna di Seremban memilih membeli barangan keperluan harian di pasar raya besar berbanding pasar awam.

Salah seorang pengunjung, Nafrah Kassim, 42, memberitahu, dia lebih suka membeli di pasar raya berbanding di pasar awam, atas faktor keselesaan dan harga yang lebih murah.

"Sejak PKP 3.0 lalu, saya memang membeli di pasar raya, sayur di sini lebih murah, misalnya brokoli seketul hanya RM3.90 sahaja berbanding di pasar, mereka timbang ikut harga sekilogram.

"Ramai peniaga juga yang membeli makanan dan sayur-sayuran di pasar raya ini, berbanding di pasar. Harga juga masuk terkawal," katanya.

Di PERAK, tinjauan di Pasar Besar Ipoh mendapati penjualan sayur seperti tomato, cili merah, kubis, kacang buncis, timun Jepun dan lada benggala masih pada harga biasa antara RM3 hingga RM13 sekilogram.

Menurut peniaga, Saiful Azri Shamsuddin, 34, komuniti peniaga mengetahui kenaikan harga jualan sayur selepas dimaklumkan oleh pihak pembekal.

"Pembekal mengesyorkan untuk mengambil stok sayur lebih banyak daripada kebiasaan pada Ahad lalu, memandangkan mereka tidak dapat turun untuk hantar kerana PKPD.

"Stok saya ambil seperti cili merah, tomato dan kubis kerana taban dua atau tiga hari dan tidak mudah busuk seperti sayur berdaun," ujar Saiful Azri.

Katanya lagi, harga sebenar kenaikan sayur dari kawasan tanah tinggi itu boleh diketahui pada Khamis setelah stok habis dijual.

Harga sayur naik melambung

SUDAH jatuh ditimpa tangga, dipatuk angsa. Begitulah ibaratnya rakyat kita sekarang. Sudahlah harga barang keperluan utama naik, harga ikan melambung, menurut laporan akhbar ini harga sayur pula tak terkawal.

Puncanya antara lain disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Cameron Highlands.

Menurut berita, lebih 12,000 pekerja warga asing tidak boleh keluar bekerja disebabkan PKPD. Kita tidak tahu selama mana PKPD itu akan berjalan. Tapi kesannya akan lebih buruk pada minggu-minggu akan datang.

Seminggu dua lalu, heboh berita kenaikan harga minyak masak. Rakyat mengeluh dengan kenaikan mendadak.

Awang harap Kementerian yang berkenaan pantau masalah kenaikan harga

barang keperluan rakyat. Ia membatikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Rakyat terkurung sekarang. Ramai yang tidak bekerja dan hilang pekerjaan. Keadaan hidup rakyat semakin tersepit. Mereka yang bekerja sendiri dan berpendapatan rendah dah susah nak bernafas.

Jika kerajaan tak pantau harga barang-barang keperluan asas, kesan buruknya pada rakyat juga.

Janganlah pak-pak menteri Kementerian berkaitan beri macam-macam helah dan alasan, ada yang tak masuk akal pun. Hormatilah rakyat. Mereka cerdik dan boleh menilai.

Sekiranya semua Kementerian yang terbabit gembeng tenaga dan berfikir, tentulah boleh dicari penyelesaian yang terbaik.

Inilah masanya untuk bantu rakyat dengan cara beri subsidi.

16.06.2021

SINAR HARIAN

NASIONAL

5

KPDNHEP turut menggerakkan pegawai penguat kuasa bagi memastikan tiada kenaikan melampau

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN
MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau secara berterusan kedudukan bekalan dan harga bagi sayur tertentu yang dibekalkan oleh pekebun dari Cameron Highlands.

Mentertinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, KPDNHEP akan melaksanakan kuasa yang diberikan kepada kementerian seperti mengenakan harga kawalan atau harga maksimum jika didapati harga sesuatu barang itu melonjak ke paras yang tidak munasabah.

"Tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 akan dilaksanakan jika terdapat mana-mana pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut terutama dalam situ-

asi semasa ketika ini.

"Peniaga boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan sekiranya sabit kesalahan, dan boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi suatu perbadanan atau syarikat.

"Bagi bukan perbadanan atau individu pula boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, *Sinar Harian* melaporkan harga sayur mengalami peningkatan sehingga 40 peratus selepas beberapa kawasan di Cameron Highlands dikenali Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula Isnin.

Antara kawasan terlibat ialah Kampung Raja iaitu Sungai Ikan; Blue Valley; Taman Matahari Cerah; Taman Desa Corina dan Kampung Baru Kampong Raja. Kawasan tersebut

merupakan pusat pengeluaran utama sayur di negara ini.

Dalam pada itu, Alexander berkata, susulan pelaksanaan PKPD di situ menyebabkan kawasan pertanian setuas 607 hektar terjejas.

Bagaimanapun, beliau berkata, Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) KPDNHEP menjalankan analisis dan berdasarkan data harga pada 13 Jun, mendapati perubahan harga purata harian sayuran seperti tomato, timun, kubis, kacang buncis berbanding 12 Jun menunjukkan penurunan.

"Tomato mengalami penurunan harga sebanyak 2.16 peratus, lada benggala kuning (-0.13), lada benggala merah (-1.47), kubis bulat tempatan (-0.86) dan buncis (-0.67)," katanya.

Beliau berkata, hanya timun dan lada benggala hijau yang mengalami sedikit kenaikan harga iaitu masing-masing 1.01 dan 0.36 peratus.

"Sayuran seperti timun Jepun dan daun salad tidak dipantau oleh kementerian kerana dikategorikan sebagai barangan bukan keperluan asas pengguna," katanya.

Sementara itu, lebih 2,200

Harga sayur dipantau secara berterusan



Peniaga yang didapati kesempatan dengan mengenakan harga melampau dan tidak masuk akal boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

pegawai penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara memantau harga sayur yang didakwa naik sejak Selasa.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, pemantauan itu dilakukan bagi memastikan tiada kenaikan harga yang melampau hingga

menyebabkan pengguna. "Setakat ini, kita (KPDNHEP) masih belum menerima sebarang aduan atau laporan tentang kenaikan harga sayuran ini.

"Daripada pemantauan yang dibuat, kita dapati harga cili juga masih terkawal," katanya.

16.06.2021

SINAR HARIAN

NEGERI KEDAH.

PERAK. MELAKA

Tekong, kru bot ditahan guna pukat tunda

LANGKAWI - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Kedah dan Perlis menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C selepas mendapati melakukan pelbagai kesalahan pada kedudukan 2.1 batu nautika tenggara Pulau Tuba, Langkawi pada Isnin.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd Zawawi Abdullah berkata, bot tersebut ditahan kira-kira jam 11.15 malam hasil risikan dan rondaan bot ronda melalui Op Benteng dan Op Aman.

Katanya, ketika itu bot berkenaan sedang melakukan aktiviti menangkap ikan di luar kawasan yang dibenarkan dengan menggunakan pukat tunda.

"Pemeriksaan anggota penguat kuasa mendapati, bot bernombor pendaftaran KHF 2652 dikendalikan lima kru termasuk tekong berumur antara 19 hingga 54 tahun.

"Tekong bersama tiga kru merupakan warga Thailand, manakala seorang lagi kru adalah warga tempatan," katanya menerusi kenyataan di sini pada Selasa.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati, tekong dan kru warga asing tersebut mempunyai dokumen pengenalan diri yang meragukan.

"Selain itu, kru warga tempatan berkenaan juga gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Mohd Zawawi berkata, pemilik bot juga disyaki melanggar syarat sah lesen serta melakukan kesalahan mengagaji kru warga asing tanpa permit.

"Bot berserta lima kru itu kemudian ditahan dan diiring ke Jeti Maritim Bukit Malut, Langkawi untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963," katanya.




Lima kru bot termasuk seorang, warga tempatan ditahan pada Isnin dan disiasat di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963.



Bot nelayan tempatan ditahan pada Isnin kerana melakukan aktiviti menangkap ikan di luar kawasan yang dibenarkan dengan menggunakan pukat tunda.

Headline	Weeding out unsustainable kelulut honey harvesting practices		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	16 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Life & Arts	Circulation	12,000
Page No	20,21	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	1896 cm ²
Journalist	SOON LI WEI	AdValue	RM 19,974
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,922



Dr Mohd Zulkifli (left) has carried out substantial research on kelulut bees

Weeding out unsustainable kelulut honey harvesting practices

Number of wild bee colonies in Malaysia and other countries has been steadily declining, threatened by habitat loss

by SOON LI WEI

KEULUT or stingless bee honey has been gaining popularity ever since it was recognised as a superfood by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute in 2016 due to its high nutrient and antioxidant content.

However, experts caution that harvesting of the honey, whether in the wild or in farms, must be carried out in a sustainable manner to maintain bee populations. This is because bees are vital to the ecosystem as they act as plant pollinators, indirectly resulting in improved plant pollination and increased crop production by up to 40%.

Universiti Sains Malaysia (USM) senior lecturer in neuroscience Dr Mohd Zulkifli Mustafa, who has also carried out substantial research on *kelulut* bees, said the number of wild bee colonies in Malaysia and other countries has been steadily declining, threatened by habitat loss brought about by logging activities, the expansion of residential developments into virgin forests and use of pesticides on farms.

He said feral colony hunting or log hunting activities to acquire stingless bee colonies should also be stopped.



Instead of cutting down the tree, it's best that they practise the education technique and (place the brood) into a standard man-made hive, says Dr Mohd Zulkifli

"When bee hunters cut down whole trees in the forest to get hold of bee colonies, the plant pollinations will be affected, thus flora and fauna get destroyed too," said Dr

Mohd Zulkifli, a veterinary surgeon by qualification with a PhD in neuroscience whose research interests revolve around molecular neuroscience and bee cognition.

as well as social innovation in the stingless beekeeping industry.

He said in the case of wild *kelulut* bee nests, the bee hunters would usually cut down the trees in order to obtain the bee colony brood and the queen bee.

"Instead of cutting down the tree, it's best that they practise the education technique and (place the brood) into a standard man-made hive.


Swarm traps can also be applied (for the bees to move into). If they (hunters) can get the queen bee as well and place the (man-made) hive at the initial location, the rest of the bees (in the colony) will also move to the hive within a few hours," he explained, adding that this is a much more sustainable way to acquire the *kelulut* bees and their honey.

He said USM has now embarked on queen bee breeding to expedite colony reproduction to fulfil the demand for *kelulut* honey.

Conservation

Dr Mohd Zulkifli said compared to the *tuating* stinger bees which mainly nest in the jungle and far off the ground, the *kelulut* bees build their nests in already existing cavities or hollowed-out areas of trees, buildings and hives.

Headline	Weeding out unsustainable kelulut honey harvesting practices		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	16 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Life & Arts	Circulation	12,000
Page No	20,21	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	1896 cm ²
Journalist	SOON LI WEI	AdValue	RM 19,974
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,922



Feral colony hunting or log hunting activities to acquire stingless bee colonies should be stopped

Stingless bees can produce an average of 1kg of honey per colony each year



The kelulut bees build their nests in already existing cavities or hollowed-out areas of trees, buildings and hives



USM has now embarked on queen bee breeding to expand colony reproduction to fulfil the demand for kelulut honey

"This nesting behaviour provides the opportunity for these stingless bees to be cultivated in intensive farms with controlled environmental conditions or in homes in rural areas with standard operating procedures in place," he said, adding that the empowerment of today's stingless bee industry would have a direct impact on the production of high-quality honey, while also sustaining pollination of crops and other plants to maintain biodiversity.

He said currently in Malaysia, there are more than 50,000 commercially farmed beehives, of which 6,000 are stingless beehives, with the largest ones located in Sarawak and Kelantan.

He also said stingless bee honey has had a long history of traditional indigenous use with a range of purported therapeutic properties, including its antidiabetic and antioxidant activity.

"Bees also act as plant pollinators, indirectly resulting in improved plant pollination and increased crop production by up to 40%, thus potentially providing additional income to beekeepers and their neighbours, while increasing national agriculture produce."

"Thus, beekeeping should be regarded as a prime tool to achieve sustainable development," he told *Berita* recently.

Malaysian Nature Society (MNS) president Prof Dr Ahmad Ismail said there should be more awareness on bee conservation, especially among farmers and villagers living near oil palm and rubber plantations who should be discouraged from using pesticides or carrying out logging activities, as well as destroying wild bee nests.

MNS, meanwhile, signed a memorandum of understanding with Corak Rentak Sdn Bhd last month to support the conservation of the stingless bee.

Corak Rentak MD Datuk Seri Dr Raja Sharifah Azwan Syed Putra Jamalullail said the one-year collaborative partnership aims to spread awareness of the importance of the bees through MNS' membership base.

"We will be sponsoring the MNS membership fee for one year for purchasers of DEIRA (Kelulut) Stingless Bee Honey through Shopee and Lazada during a campaign, which will run for a month."

"At the same time, commercial farming of kelulut bees can also help increase the incomes of the B40 (bottom 40%) community through sustainable beekeeping

practices that protect the environment," she said.

She added that as part of its corporate social responsibility programme, the company will be developing the Bee Engagement Entrepreneurship project whereby "seed money donated by family and friends is used to start bee farming communities for the B40s (and thence poor), starting first in Kelantan."

Ahmad said through their collaboration with Corak Rentak, MNS hopes to recruit between 3,000 and 5,000 new members. For details on MNS' recruitment campaign, please visit <https://www.mns.org>.

Stingless Bee Species

Dr Mohd Zulkifli said more than 35 stingless bee species have been identified in Malaysia, but only two species are commercially cultivated to harvest the honey.

"Unlike honey bees, stingless bees are generally harmless to humans and domesticated animals, and are great pollinators too. Besides, they are also more resistant to the diseases and parasites that affect honey bees that can sting," he said.

Stingless bees are smaller in size, about seven millimetres to 10mm long, and also have a shorter flight range of 500m —

making it easier to keep them among crops for pollination. In comparison, sting honey bees are 12mm to 25mm long and have a flight range of two kilometres.

Stingless bees can produce an average of three kilograms of honey per colony each year, with its harvest time being between March and September.

"Malaysia's tropical climate results in honey with high moisture content, which causes fermentation. This produces a sour taste and foamy texture which deprecates the value of Malaysian honey internationally," said Dr Mohd Zulkifli.

He also said a study conducted by USM showed that *kelulut* honey improved spatial working memory after one tablespoon of the honey was consumed per day over a seven-day period.

He said the researchers in Universiti Putra Malaysia and the University of Queensland, Australia, also found that up to 84% of the *kelulut* honey's sugar comprised trehalulose, which is a rare sugar with a low glycaemic index (GI).

"Traditionally, it has been thought that stingless bee honey was good for diabetes and now we know why — having a lower GI means it takes longer for the sugar to be absorbed into the bloodstream, so there is no spike in glucose that you get from other sugars."

People have patented ways of making trehalulose synthetically, but it costs much higher than the natural honey. Current research shows that stingless bee honey can be used as a whole food on its own or as other food to get the same health benefits," he added. — *Berita*



Some 84% of the kelulut honey's sugar comprised trehalulose, which is a rare sugar with a low GI